

ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BILANGAN 3/1969.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.  
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.

Kecualian Pemungut-pemungut Hasil Tanah Menunaikan  
 Kehendak-kehendak Undang-undang Pengambilan Balik Tanah Bilangan 34/1960.

Merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan iaitu telah didapati ada satu kes telah berlaku di mana seorang Pemungut Hasil Tanah telah tidak mengambil perjalanannya mengangkat appeal perbicaraan ke Mahkamah Tinggi selimbang dengan kehendak-kehendak Seksyen 37, 38 dan 39 Undang-undang Pengambilan Balik Tanah 1960 sehingga dia diperintah oleh Mahkamah berbuat demikian mengikut Seksyen 44 'Specific Relief (Malay State) Ordinance, 1950. Dengan sebab kecuailan pegawai ini, kerajaan Negeri telah diperintah oleh Mahkamah membayar imbuhan kepada pihak yang berkenaan.

2. Perkara yang disebutkan di atas ini hendaklah dielakkan bertakunya dimasa hadapan, bukan sahaja hendak nama baik pentadbiran Negeri ini bahkan juga menjauhkan daripada berbagai-bagai tuntutan imbuhan yang merugikan kerajaan.

3. Bagi ingatan tuan sekiranya ada kes tuntutan ulang bicara (appeal) atas keputusan Pemungut Hasil Tanah, maka Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan hendaklah mengambil perjalanannya yang sewajarnya dengan seberapa segera jua dengan tidak payah menunggu perintah 'Mandamus' di Mahkamah. Oleh itu mana-mana kes yang hendak diangkat ke Mahkamah Tinggi dan dimana tuan sendiri atau Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri dikehendaki melawan tuntutan tersebut maka tuan adalah dinasihatkan berunding dengan Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri menerusi Pesuruhjaya Tanah dan Galian untuk mendapatkan petua-petua atau pun cara-cara hendak melawan tuntutan ulang bicara itu. Sebelum itu hendaklah tuan terlebih dahulu membuat perhubungan dengan Pesuruhjaya Tanah dan Galian untuk menetapkan masa dan tarikh perundingan tersebut. Dalam perundingan itu nanti tuan dikehendaki membawa semua keterangan-keterangan dan buku-buku rekod yang berkaitan.

4. Dengan adanya arahan ini, adalah diharapkan semua Pemungut hasil Tanah akan mematuhi. Sekiranya berlaku kecuailan yang tidak dilingini maka mungkin tindakan akan diambil menurut peraturan tata tertib.

t.t.  
 (DATO'MOHAMAD BIN IBRAHIM)  
 Pesuruhjaya Tanah dan Galian  
 Terengganu.

Bil.(90)d/m.C.L.M.TR.133/60

s.k.  
 Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan, Terengganu.  
 Yang Berhormat, Penasihat Undang-Undang Negeri, Terengganu.  
 Fail P.T.&G.TR. 58/60 pt.II  
 Kuala Terengganu, 5hb. Mei, 1969.